

Maybank Terima Kelulusan Bursa Saham Tokyo Untuk Penyenaiaan Bon Sehingga US5 Bilion
Bernama
2 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Malayan Banking Bhd (Maybank) memperoleh kelulusan daripada Bursa Saham Tokyo untuk penyenaiaan bon di pasaran Pro- Bon Tokyo yang berorientasikan profesional bernilai US\$5 bilion.

Tokyo Stock Exchange dalam satu kenyataan Jumaat berkata, ini merupakan kali pertama sebuah penerbit Asia Tenggara menyenaiaan program itu di pasaran Pro-Bon Tokyo.

"Maybank telah menyenaiaan maklumat program yang membolehkan syarikat mengeluarkan bon tertentu dengan jumlah nilai maksimum sebanyak US\$5 bilion dalam tempoh satu tahun dari 1 Mei 2014 hingga 30 April 2015," katanya.

Ditubuhkan pada Mac 2012 berdasarkan 'Peraturan Pasaran berorientasikan Profesional', pasaran Pro-Bon Tokyo menguatkuasakan program penyenaiaan, borang standard terbitan bon korporat di pasaran luar negara dan pendedahan maklumat dalam Bahasa Inggeris sahaja.

Kaedah yang amat fleksibel di pasaran itu menawarkan terbitan bon yang cekap melalui pengeluaran dokumen yang ringkas dan mudah untuk keperluan rasmi, seperti memperoleh penarafan kredit sebagai syarat kelayakan penyenaiaan bagi maklumat program dan bon-bon individu dan mendapatkan penaja jamin utama yang telah ditetapkan oleh bursa itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035320>